

Kolej Shahputra tawar kerjasama

Beri peluang lepasan SPM teruskan pengajian

Oleh Asrol Awang
bhnews@bharian.com.my

MENJADI impian pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pengajian ke institut pengajian tinggi awam (IPTA). Bagaimanapun, faktor kekurangan tempat menyebabkan ada antara mereka tidak dapat menjakkan kaki ke menara gedung.

Bagi mencapai misi ini, Kolej Shahputra menawarkan program kerjasama dengan IPTA iaitu alternatif kepada pelajar lepasan SPM untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Pengerusi Eksekutif Kolej Shahputra, Datuk Dr Azman Zaini Abdul Ghanie, berkata antara program kerjasama

itu ialah dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Menerusi alternatif itu katanya, pelajar akan mengikuti pengajian di Kolej Shahputra yang terjamin kualitinya seperti di IPTA berkenaan, termasuk silibus pengajian, soalan peperiksaan dan pemanstauan oleh universiti.

"Malah, mereka akan menghadiri konvoikesyen di universiti induk yang menjalin kerjasama dengan Kolej Shahputra.

"Pelajar lepasan diploma pula berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di universiti awam di seluruh negara," katanya.


Bagi pelajar yang berminat

mengikuti program diploma Kolej Shahputra, mereka hanya perlu mempunyai tiga kredit pada peringkat SPM dan antara program yang ditawarkan ialah Diploma Kejururawatan, Diploma Farmasi, Diploma Pembantu Perubatan, Diploma Bioteknologi dan Diploma Teknologi Makmal Perubatan.

"Disebabkan banyak permintaan dan penawaran untuk jurusan sains kesihatan, pelajar yang mengikuti program ini tidak perlu bimbang dengan peluang kerjaya dan masa depan yang sedia terjamin," katanya.

Selain itu, Dr Azman berkata, Kolej Shahputra juga menjalankan program antarabangsa iaitu Program A-Level dalam jurusan sains.

Katanya, program A-Level



PELAJAR Kolej Shahputra menjalankan latihan amali.

djalankan bagi memenuhi keperluan pelajar lepasan SPM yang berhasrat melanjutkan pelajaran ke universiti luar negara dalam bidang perubatan dan kejuruteraan.

"Pelajar yang mengikuti Program A-Level di Kolej Shahputra boleh melanjutkan pelajaran di universiti luar negara seperti University of Manchester dan Newcastle University di United Kingdom, Monash University (Australia) dan University of Auckland (New Zealand)

serta mana-mana universiti pilihan," katanya.

Sepanjang di Kolej Shahputra, beliau berkata, pelajar akan mengikuti program selama tiga semester dan program itu adalah pengajian peringkat awal sebagai persediaan sebelum melangkah ke tahap ijazah sarjana muda perubatan dan kejuruteraan.

Katanya, kemudahan penginapan yang selesa dengan bayaran berpatutan juga antara sebab kebanyakannya pelajar memilih Kolej Shahputra.

tra untuk menyambung pengajian.

"Pelajar mendapat kemudahan penginapan termasuk penggunaan elektrik dan air serta pengangkutan bas dari asrama ke kampus dengan bayaran RM100," katanya.

Sehubungan itu, pendaftaran terbuka akan diadakan pada 19 Julai ini. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Jabatan Pemasaran di talian 09-5737777 atau layari laman web www.kolejshahputra.edu.my.